



## **SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK**

**BILANGAN 15 TAHUN 2024**

---

### **GARIS PANDUAN PERUBAHAN KURIKULUM UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

---

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
10 September 2024

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Pendaftar  
Pegawai-Pegawai Kanan

## **UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

10 September 2024

### **SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK** **BILANGAN 15 TAHUN 2024**

### **GARIS PANDUAN PERUBAHAN KURIKULUM UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-237 Bilangan 9/2024 yang bersidang pada 10 September 2024 telah meluluskan **Garis Panduan Perubahan Kurikulum Universiti Pendidikan Sultan Idris.**

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Semakan kurikulum bagi setiap program akademik di setiap Fakulti/Pusat Tanggungjawab (PTj) perlu dilaksanakan secara berkala dan sistematik bagi mengekalkan Perakuan Akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Agency, MQA*).
- 2.2 Garis Panduan ini disediakan untuk menjelaskan tindakan yang perlu diambil oleh Fakulti/ PTj berdasarkan kategori perubahan maklumat yang tertentu. Panduan ini boleh diambil kira dalam melaksanakan kurikulum yang bersifat lentur dan organik (*fluid and organic*).

#### **3.0 JUSTIFIKASI**

- 3.1 Penambahbaikan kualiti memerlukan Fakulti/ PTj melaksanakan pemantauan, semakan dan penilaian yang berterusan serta menyeluruh terhadap program akademik yang ditawarkan.

- 3.2 Penambahan kualiti perlu dilakukan secara berterusan bagi memastikan program akademik sentiasa dikemaskini mengikut perubahan dan keperluan semasa.
- 3.3 Kandungan program akademik perlu relevan dan seiring dengan perkembangan terkini.
- 3.4 Garis panduan ini akan memberi **fokus kepada tujuh (7) perkara utama** iaitu:
- i. Kategori Program Akademik Bagi Perubahan Semakan Kurikulum
  - ii. Maklumat Asas Program Akademik Yang Diperlukan Bagi Perubahan Semakan Kurikulum
  - iii. Bahagian Perubahan Semakan Kurikulum Secara Struktural
  - iv. Kadar Caj Bayaran Bagi Perubahan Semakan Kurikulum Secara Struktural
  - v. Pengiraan Perubahan Kandungan Kurikulum Secara Struktural
  - vi. Perubahan Semakan Kurikulum Secara Modular
  - vii. Tindakan Fakulti/PTj

#### **4.0 KEPUTUSAN SENAT**

Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju meluluskan **Garis Panduan Perubahan Kurikulum Universiti Pendidikan Sultan Idris seperti di Lampiran A.**

#### **5.0 TARIKH KUAT KUASA**

Surat Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada 10 September 2024.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”**



**(SUHAILA SIDEK)**

Ketua Timbalan Pendaftar  
Bahagian Hal Ehwal Akademik  
Tarikh: 10 September 2024

# LAMPIRAN A